



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KENYATAAN MEDIA

### PERLOMBONGAN UNSUR NADIR BUMI (RARE EARTH ELEMENTS) NEGERI KEDAH

**“TINDAKAN PERUNDANGAN AKAN DIAMBIL SEKIRANYA  
PERLOMBONGAN NR-REE DILAKSANAKAN TANPA KELULUSAN  
SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG  
OLEH JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS”**

**9 DISEMBER 2020**

---

Selaras dengan hasrat di bawah Pelan Transformasi Industri Mineral 2021-2030 yang sedang digubal dan pembangunan beberapa prosedur aktiviti perlombongan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) memberikan penekanan kepada peri penting keseimbangan antara kemampanan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesihatan awam. Dalam hal ini, hala tuju KeTSA adalah untuk memastikan pengurusan dan pembangunan sumber asli negara dilaksanakan secara mampan.

KeTSA akan terus memastikan aktiviti perlombongan diusahakan secara mampan (*sustainable mining*) dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Pada masa ini SOP perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) ini sedang dalam proses akhir untuk dimuktamadkan. Ditegaskan bahawa KeTSA tidak akan mengeluarkan sebarang kelulusan untuk aktiviti perlombongan di

kawasan Hutan Simpan Kekal. Kelulusan untuk kawasan selain dari Hutan Simpan Kekal adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan teknikal diperolehi terlebih dahulu. Setakat ini, masih belum ada mana-mana pihak yang memohon dan diberikan kelulusan untuk menjalankan perlombongan NR-REE.

Saya ingin menegaskan mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kebenaran dan kelulusan akan ambil tindakan melalui perundangan sedia ada. KeTSA ingin menekankan bahawa kawalan melalui SOP dan perundangan adalah penting bagi memastikan semua aktiviti berkaitan perlombongan NR-REE tidak memberi kesan negatif kepada kelestarian alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta kesejahteraan masyarakat.

**YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah**  
**Menteri Tenaga dan Sumber Asli**  
**Putrajaya**

**9 Disember 2020**